MANUAL
SISTEM PENGURUSAN HALAL MALAYSIA
2019

DRAF:KONSULTASI NASIONAL

RINGKASAN

BeSS	-	Bersih Selamat dan Sihat
CoA	-	Certificate of Analysis
DO	-	*Delivery Order*
F&B	-	*Food and Beverage*
GMP	-	Good Manufacturing Practice
HACCP	-	Hazard Analysis Critical Control Point
HAS	-	Halal Assurance System
HCP	-	*Halal Control Point*
HPB	-	Halal Professional Board
IHCS	-	Internal Halal Control System
JKHD	-	Jawatankuasa Halal Dalaman
JAKIM	-	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAIN	-	Jabatan Agama Islam Negeri
MAIN	-	Majlis Agama Islam Negeri
MeSTI	-	Makanan Selamat Tanggungjawab Industri
MHMS	-	Malaysia Halal Management System
MPPHM	-	Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia
MS	-	Malaysian Standard
NCR	-	*Non Conformance Report*
OEM	-	*Original Equipment Manufacturer*
PO	-	*Purchase Order*
POL	-	Pelan Operasi Latihan
R&D	-	*Research and Development*
SOP	-	*Standard of Procedure*
SPHM	-	Sijil Pengesahan Halal Malaysia
VHM	-	Veterinary Health Mark

DRAF: KONSULTASI NASIONAL

Pendahuluan

DRAFT

KANDUNGAN

Pendahuluan

Pengenalan

Objektif

Skop

Tafsiran

Keperluan Umum Sistem Jaminan Halal

Keperluan Umum Sistem Kawalan Halal Dalaman

Keperluan Khusus Sistem Jaminan Halal dan Sistem Kawalan Halal Dalaman Berdasarkan Skim Pensijilan

Penilaian dan Penarafan Sistem Jaminan Halal

DRAF:KONSULTASI NASIONAL

1. PENGENALAN

Sistem Pengurusan Jaminan Halal (*Halal Assurance Management System*) atau juga dikenali sebagai HAS mula diperkenalkan pada tahun 2011 dengan pelancaran *Guidelines for Halal Assurance Management System of Malaysia Halal Certification* yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Manual Sistem Pengurusan Halal Malaysia (*Malaysia Halal Management System*) atau dikenali sebagai MHMS 2019 ini diperkenalkan bagi menggantikan *Guidelines for Halal Assurance Management System of Malaysia Halal Certification*. Manual MHMS 2019 ini mengandungi perincian bagi pelaksanaan MHMS yang meliputi:

(1) Sistem Kawalan Halal Dalaman (IHCS) bagi kegunaan industri kecil dan mikro; dan

(2) Sistem Jaminan Halal (HAS) bagi kegunaan industri besar dan sederhana.

2. OBJEKTIF

Dokumen ini bertujuan menjelaskan secara terperinci keperluan dalam membangun, melaksana dan mengekalkan jaminan halal dalam memenuhi dan mematuhi prosedur Pensijilan Halal Malaysia.

3. SKOP

(1) Manual MHMS 2019 ini mengandungi garis panduan bagi pegawai pemeriksa JAKIM, MAIN/ JAIN dan syarikat/ pemohon SPHM; dan

(2) Manual MHMS 2019 ini hendaklah dibaca bersama dengan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM), standard, fatwa, undang-undang, peraturan dan pekeliling yang diguna pakai dalam Pensijilan Halal Malaysia.

DRAF: KONSULTASI NASIONAL

4. TAFSIRAN

Audit Halal Dalaman
Pemeriksaan/ pengauditan yang dirancang dan dilaksanakan oleh pihak syarikat secara dalaman bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan Pensijilan Halal Malaysia.

Analisis Makmal
Analisis khusus bagi pengesahan/ penentuan halal yang dilaksanakan dan dirancang oleh pihak syarikat.

Eksekutif Halal
Individu Muslim dilantik oleh pengurusan tertinggi syarikat yang berkelayakan, berpengalaman dan kompeten berkaitan keperluan Pensijilan Halal Malaysia. Eksekutif Halal bertanggungjawab sebagai penyelaras halal di syarikat.

Jawatankuasa Halal Dalaman
Jawatankuasa yang dilantik oleh pengurusan tertinggi syarikat yang bertanggungjawab membangun, memantau, mengawal dan memastikan keberkesanan pelaksanaan HAS dan pematuhan terhadap keperluan Pensijilan Halal Malaysia.

Juruaudit Halal Dalaman
Individu dilantik oleh JKHD yang berkelayakan, berpengalaman dan kompeten bagi menjalankan audit halal dalaman di syarikat tersebut.

Kawalan Risiko Halal
Kaedah penentuan HCP dan pelan pengurusan risiko halal yang dibangunkan dan dilaksanakan oleh syarikat/ pemohon/ pengilang bagi mengawal dan memastikan risiko halal dapat dielak dan diuruskan dengan berkesan di sepanjang rantaian bekalan halal.

Kebolehkesanan
Keupayaan mengenalpasti dan mengesan bahan mentah dan produk melalui setiap peringkat secara menyeluruh merangkumi penerimaan, pemprosesan, penyimpanan, pengedaran dan lain-lain di sepanjang rantaian bekalan halal.

Latihan Halal
Pelaksanaan latihan khusus berkaitan halal yang dirancang dan dilaksanakan oleh pihak syarikat secara dalaman dan latihan

DRAF KONSULTASI NASIONAL

kompetensi daripada penyedia latihan halal dan/ atau individu yang berdaftar di bawah HPB, JAKIM.

Manual HAS

Dokumen yang dibangunkan oleh pihak syarikat/ pemohon/ pengilang sebagai panduan pelaksanaan HAS.

Pelan Pengurusan Risiko Halal

Dokumen yang disediakan bagi menguruskan risiko halal yang merangkumi elemen berikut:

(1) HCP;
(2) Risiko Halal;
(3) Mekanisma Kawalan (kaedah, kekerapan, siapa);
(4) Tindakan Pembetulan; dan
(5) Rekod.

Pihak Berkuasa Berwibawa

Ertinya pihak berkuasa JAKIM, MAIN/ JAIN atau mana satu yang berkenaan untuk memperaku bahawa mana-mana makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu adalah halal mengikut Perintah Perihal Dagangan (Takrifan Halal) 2011.

Pengerusi Jawatankuasa Halal Dalaman

Individu di peringkat pengurusan yang dilantik oleh pengurusan tertinggi syarikat yang berkelayakan, berpengalaman dan kompeten berkaitan keperluan Pensijilan Halal Malaysia serta bertanggungjawab mengetuai Jawatankuasa Halal Dalaman.

Polisi Halal

Pernyataan rasmi yang menjelaskan komitmen berterusan dan hala tuju syarikat dalam mematuhi keperluan Pensijilan Halal Malaysia.

Semakan HAS

Proses penelitian, penilaian, pemantauan dan pengesahan oleh pengurusan tertinggi syarikat terhadap pelaksanaan HAS.

Sistem Pengurusan Halal Malaysia/ *Malaysia Halal Management System* (MHMS)

Sistem pengurusan bersepadu yang dibangun, dilaksana dan dikekalkan oleh sesebuah organisasi/ syarikat untuk menguruskan produk dan perkhidmatan bagi mengekalkan jaminan halal melalui Sistem Kawalan Halal Dalaman (IHCS) atau Sistem Jaminan Halal (HAS).

DRAF KONSULTASI NASIONAL

Sistem Kawalan Halal Dalaman/ *Internal Halal Control System* (IHCS)

Prosedur kawalan halal dalaman bagi sesebuah organisasi/ syarikat yang terdiri daripada polisi halal, prosedur kawalan bahan mentah dan prosedur kebolehkesanan sebagai langkah kawalan minima untuk mengekalkan jaminan halal bagi industri kecil dan mikro.

Sistem Jaminan Halal/ *Halal Assurance System* (HAS)

Satu set prosedur atau prinsip rasmi yang digunakan oleh sesebuah organisasi/ syarikat untuk memastikan dapat memenuhi dan mencapai objektif dalam mengekalkan jaminan halal secara menyeluruh bagi industri sederhana dan besar.

Sertu

Proses menyucikan anggota badan, pakaian, tempat, perkakasan dan peralatan yang bersentuhan dengan najis *mughallazah* iaitu anjing, babi dan keturunannya dengan membasuhnya sebanyak tujuh (7) kali di mana salah satunya dengan air yang bercampur tanah. Sebaik-baiknya basuhan air yang pertama dicampur dengan tanah kemudian diikuti dengan enam (6) kali basuhan menggunakan air mutlak atau bersih yang lain.

Halal Control Point

Penentuan HCP yang dikenalpasti, dikawal, dipantau dan dibuat tindakan pembetulan untuk memastikan pematuhan halal di sepanjang rantaian bekalan.

DRAF:KONSULTASI NASIONAL

5. KEPERLUAN UMUM SISTEM JAMINAN HALAL MALAYSIA

Pelaksanaan Sistem Jaminan Halal Malaysia adalah terpakai terhadap pemohonan di bawah kategori besar dan sederhana. Pemohon hendaklah membangunkan dan mematuhi keperluan seperti berikut:

(1) Manual HAS

(a) Pihak syarikat hendaklah mematuhi dan melaksanakan Manual HAS yang dibangunkan. Pembangunan Manual HAS hendaklah bertepatan dengan pelaksanaan sebenar operasi pihak syarikat;

(b) Manual HAS hendaklah dibangun dan didokumenkan secara berasingan daripada lain-lain sistem pengurusan dan pensijilan;

(c) Manual HAS hendaklah sentiasa dikemaskini sekiranya berlaku perubahan terhadap pelaksanaan HAS di peringkat syarikat;

(d) Manual HAS hendaklah mengandungi sekurang-sekurangnya:

(i) Profil Syarikat
(ii) Objektif dan Skop
(iii) Polisi Halal
(iv) Jawatankuasa Halal Dalaman
(v) Prosedur Operasi Standard (SOP)
  a. Audit Halal Dalaman
  b. Kawalan Risiko Halal
  c. Kawalan Bahan Mentah
  d. Latihan Halal
  e. Kebolehkesanan
  f. Semakan HAS

(e) Pembangunan, penilaian dan semakan terhadap Manual HAS hendaklah mematuhi dan memenuhi keperluan Manual MHMS, MPPHM, standard, fatwa, undang-undang dan peraturan, pekeliling Pensijilan Halal Malaysia dan lain-lain dokumen rujukan berkaitan Pensijilan Halal Malaysia; dan

(f) Manual HAS hendaklah diluluskan/ diperakukan oleh pihak pengurusan tertinggi syarikat dan sekurang-kurangnya mempunyai maklumat berikut :

DRAF:KONSULTASI NASIONAL

(i) Tarikh berkuatkuasa
(ii) Tarikh kemaskini
(iii) Disediakan oleh
(iv) Disahkan oleh

(2) Polisi Halal

(a) Syarikat hendaklah membangunkan polisi halal yang jelas menerangkan komitmen terhadap penyediaan produk dan/ atau perkhidmatan halal serta pematuhan syarikat terhadap keperluan Pensijilan Halal Malaysia secara menyeluruh; dan (**Rujuk Lampiran A)**

(b) Polisi Halal perlu dipamerkan dan dibuat pemakluman serta disebar luas kepada organisasi dan pihak-pihak berkepentingan.

(3) Eksekutif Halal

(a) Muslim yang berkelulusan sekurang-kurangnya Diploma Pengurusan Halal atau mana-mana kelulusan yang setaraf dengannya atau berpengalaman dalam pengurusan halal sekurang-kurangnya lima (5) tahun dan memiliki Sijil Eksekutif Halal daripada Penyedia Latihan Halal yang berdaftar di bawah HPB, JAKIM;

(b) Syarikat/ pemohon/ pengilang yang beroperasi di Malaysia hendaklah dari kalangan warganegara Malaysia;

(c) Hendaklah dilantik secara rasmi oleh pihak pengurusan tertinggi syarikat dan berstatus pekerja tetap di syarikat tersebut;

(d) Hendaklah dilantik sebagai salah seorang ahli JKHD;

(e) Eksekutif Halal hendaklah melaksanakan tanggungjawab dan peranan dalam pengurusan halal syarikat;

(f) Hendaklah dilantik bagi setiap cawangan kilang atau hotel;

(g) Eksekutif Halal merupakan jawatan khusus yang perlu diwujudkan oleh pihak syarikat dengan keutamaan dan tugas hakiki berkaitan skop pengurusan halal; dan (**Rujuk Lampiran B)**

DRAF KONSULTASI NASIONAL

(h) Lantikan dan tugasan luar daripada skop pengurusan halal hendaklah tidak menjejaskan tugas hakiki Eksekutif Halal.

(4) Jawatankuasa Halal Dalaman (JKHD)

(a) Pengurusan tertinggi syarikat hendaklah membuat lantikan secara rasmi, bertulis beserta deskripsi tugas kepada setiap ahli JKHD yang dilantik;

(b) Pengurusan tertinggi syarikat hendaklah menyediakan sumber manusia yang mencukupi dengan beban tugas yang bersesuaian bagi memastikan perancangan, pelaksanaan dan penilaian berterusan terhadap HAS dan pematuhan terhadap keperluan Pensijilan Halal Malaysia;

(c) Pengerusi JKHD hendaklah mempunyai pengalaman dan kelayakan lebih tinggi atau setara dengan Eksekutif Halal dan kompeten berkaitan aspek Pensijilan Halal Malaysia;

(d) Lantikan pengerusi JKHD hendaklah diberi keutamaan kepada Muslim;

(e) Hendaklah mewujudkan carta organisasi;

(f) Keahlian JKHD hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya lima (5) orang ahli:
(i) Pengerusi;
(ii) Eksekutif Halal;
(iii) Wakil bahagian/ unit pembelian dan/ atau perolehan;
(iv) Wakil bahagian pemprosesan; dan
(v) Wakil tambahan berdasarkan keperluan khusus setiap skim.

(g) Hendaklah melibatkan sekurang-kurangnya seorang (1) Muslim;

(h) Mewujudkan JKHD bagi setiap cawangan sekiranya mempunyai pengurusan operasi yang berbeza;

(i) Hendaklah bertanggungjawab terhadap pengurusan halal dan HAS syarikat;

(j) Ahli Jawatankuasa yang dilantik hendaklah berpengetahuan dan terlatih berkaitan keperluan Pensijilan Halal Malaysia;

DRAF KONSULTASI NASIONAL

(k) Peranan/ tanggungjawab dan terma rujukan JKHD hendaklah dinyatakan secara jelas di dalam manual HAS syarikat; dan (**Rujuk Lampiran C1 & C2)**

(l) Mesyuarat jawatankuasa halal hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun dan mempunyai agenda perbincangan berkaitan halal.

(5) Audit Halal Dalaman

(a) Pihak syarikat hendaklah mewujudkan SOP bagi pelaksanaan audit halal dalaman syarikat; **(Rujuk Lampiran D1)**

(b) Audit halal dalaman hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun;

(c) Juruaudit halal dalaman hendaklah dari kalangan individu yang mempunyai Sijil Internal Halal Auditing/ Sijil Eksekutif Halal daripada Penyedia Latihan Halal berdaftar di bawah HPB, JAKIM;

(d) Juruaudit halal dalaman hendaklah dilantik secara rasmi oleh JKHD;

(e) Audit halal dalaman hendaklah merangkumi aspek pematuhan terhadap prosedur Pensijilan Halal Malaysia dan HCP;

(f) Penemuan ketidakakuran pada audit halal dalaman dan tindakan pembetulan hendaklah dilaksanakan dengan kadar segera dan disahkan JKHD;

(g) Laporan penemuan audit beserta senarai semak audit halal dalaman hendaklah direkodkan dan dibentangkan kepada JKHD; (**Rujuk Lampiran E)**

(h) Keberkesanan dan kekerapan audit halal dalaman hendaklah dinilai oleh JKHD bagi memastikan ketidakakuran terhadap pematuhan prosedur Pensijilan Halal Malaysia tidak berulang;

(i) Sekiranya perlu, pihak syarikat boleh melantik mana-mana pihak ketiga bagi melaksanakan audit halal dalaman bagi pihak syarikat;

DRAF KONSULTASI NASIONAL

(j) Juruaudit halal dalaman dari pihak ketiga hendaklah individu yang mempunyai Sijil Internal Halal Auditing daripada Pusat Latihan berdaftar di bawah HPB, JAKIM;

(k) Pelaksanaan lain-lain audit tambahan seperti audit pembekal dan lain-lain audit perlu dipertimbangkan oleh pihak syarikat sekiranya terdapat keperluan dan kepentingan terhadap pematuhan prosedur Pensijilan Halal Malaysia; dan

(l) Rekod audit dalaman hendaklah disimpan dan mudah untuk dirujuk semasa pemeriksaan Pensijilan Halal Malaysia dijalankan.

(6) Kawalan Risiko Halal

(a) Pihak syarikat hendaklah mewujudkan SOP secara bertulis bagi pelaksanaan kawalan risiko halal. SOP hendaklah merangkumi:

(i) *Research and Development* (*R&D*);
(ii) Pemprosesan;
(iii) Peralatan;
(iv) Pekerja;
(v) Pembungkusan;
(vi) Penyimpanan; dan
(vii) Pengangkutan.

(b) Kawalan risiko halal hendaklah dibangunkan khusus bagi penentuan risiko berkaitan halal dan diasingkan dari sistem pensijilan lain seperti; HACCP/ GMP/ MeSTI/ BeSS/ VHM dan lain-lain;

(c) Perkhidmatan logistik yang memiliki pensijilan halal hendaklah diberi keutamaan bagi memastikan status rantaian bekalan halal terjamin; dan

(d) Rekod kawalan risiko halal hendaklah disimpan dan mudah untuk dirujuk semasa pemeriksaaan Pensijilan Halal Malaysia dijalankan.

(6.1) Pembangunan Carta Alir

(a) Hendaklah mewujudkan carta alir pemprosesan/ perkhidmatan yang dijalankan;

DRAF: KONSULTASI NASIONAL

(b) Pembangunan carta alir pemprosesan/ perkhidmatan hendaklah dilaksanakan dengan jelas serta menerangkan HCP sesuatu penghasilan produk/ perkhidmatan; dan

(c) Pembangunan carta alir hendaklah berdasarkan:

(i) Aliran pemprosesan; (**Rujuk Lampiran F1 & F2)** dan
(ii) Pelan lantai. (**Rujuk Lampiran G)**

(6.2) Pelan Pengurusan Risiko Halal

(a) Hendaklah dibangunkan berdasarkan penentuan HCP yang telah dikenalpasti;

(b) Hendaklah mengandungi maklumat berikut: (**Rujuk Lampiran H)**
(i) HCP;
(ii) Risiko halal;
(iii) Mekanisme kawalan (kaedah, kekerapan, siapa);
(iv) Tindakan pembetulan; dan
(v) Rekod.

(7) Kawalan Bahan Mentah

(a) Pihak syarikat hendaklah mewujudkan SOP secara bertulis bagi kawalan bahan mentah dan/ atau barang dagangan yang merangkumi proses pembelian, penerimaan dan penyimpanan serta mempunyai rekod dan dapat disemak; (**Rujuk Lampiran D2**)

(b) Prosedur kawalan bahan mentah yang dibangunkan hendaklah memastikan:

(i) Tiada penggunaan dan penyimpanan bahan mentah yang diragui status halal;
(ii) Penggunaan dan perubahan bahan mentah hendaklah diisytihar atau dimaklumkan kepada pihak berkuasa berwibawa; dan
(iii) Penggunaan bahan mentah hendaklah mematuhi perundangan dan peraturan yang berkaitan.

DRAF KONSULTASI NASIONAL

(c) Hendaklah mewujudkan Senarai Utama Bahan Mentah (*Masterlist Ingredient*) yang boleh dirujuk/ disemak sewaktu pemeriksaan Pensijilan Halal Malaysia;

(d) Senarai Utama Bahan Mentah (*Masterlist Ingredient*) hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya maklumat berikut: (**Rujuk Lampiran I)**

(i) Nama dan pengeluar bahan mentah;
(ii) Nama saintifik/ *common name/ coding/ trade name*;
(iii) Sumber bahan mentah;
(iv) Maklumat status pengisytiharan bahan mentah kepada pihak berkuasa;
(v) Maklumat sijil halal bahan mentah:
  a. tarikh tamat tempoh sijil halal
  b. badan pensijilan halal
(vi) Dokumen sokongan; (bahan mentah yang tidak mempunyai sijil halal hendaklah dinyatakan maklumat sumber bahan mentah beserta dokumen sokongan pembuktian sumber bahan mentah); dan
(vii) Catatan.

(e) Senarai Utama Bahan Mentah (*Masterlist Ingredient*) hendaklah merangkumi kesemua bahan mentah termasuklah bahan bantuan pemprosesan (*processing aids*) yang digunakan dan sentiasa dikemaskini sekiranya berlaku sebarang perubahan maklumat bahan mentah;

(f) Senarai Utama Bahan Mentah (*Masterlist Ingredient*) dalam bentuk digital/ cetakan hendaklah mudah untuk disemak; dan

(g) Rekod berkaitan kawalan bahan mentah hendaklah disimpan dan mudah untuk dirujuk semasa pemeriksaan Pensijilan Halal Malaysia dijalankan.

(8) Latihan Halal

(a) Pihak syarikat hendaklah mewujudkan SOP secara bertulis bagi pelaksanaan latihan halal;

(b) Mewujudkan Pelan Operasi Latihan (POL) yang mengandungi maklumat berikut: (**Rujuk Lampiran J)**

DRAF: KONSULTASI NASIONAL

(i) Jenis latihan;
(ii) Peserta;
(iii) Kekerapan;
(iv) Tarikh cadangan;
(v) Tenaga pengajar; dan
(vi) Rekod.

(c) Pengurusan tertinggi syarikat hendaklah menyediakan dana kewangan yang mencukupi bagi tujuan pelaksanaan latihan halal;

(d) Ahli JKHD hendaklah diberikan latihan kompetensi bagi pemahaman terhadap keperluan Pensijilan Halal Malaysia sekurang-kurangnya merangkumi skop berikut:

(i) Pemahaman syariah dan fatwa;
(ii) Malaysian standard;
(iii) Manual prosedur pensijilan halal malaysia;
(iv) Sistem pengurusan halal malaysia (MHMS);
(v) Perundangan berkaitan halal; dan
(vi) Ramuan kritikal. (jika berkaitan)

(e) Latihan kesedaran halal hendaklah dilaksanakan kepada semua kakitangan dan pekerja di setiap peringkat dalam syarikat. Latihan kesedaran halal juga boleh diperluaskan kepada pihak ketiga yang berkaitan seperti pelawat, pihak pembekal bahan mentah, penyedia pengangkutan dan lain-lain;

(f) Latihan kesedaran halal hendaklah sekurang-kurangnya merangkumi skop berikut:

(i) Polisi halal syarikat; dan
(ii) Prosedur pensijilan halal malaysia.

(g) Latihan kesedaran halal hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) tahun sekali;

(h) Latihan kompetensi dan latihan kesedaran halal hendaklah dikendalikan oleh tenaga pengajar yang memiliki Sijil Eksekutif Halal atau Penyedia Latihan Halal (berdaftar di bawah HPB, JAKIM) atau pihak berkuasa berwibawa;

(i) Latihan halal perlu dijalankan penilaian tahap keberkesanannya melalui penilaian bertulis atau lain-lain penilaian tambahan yang

DRAF:KONSULTASI NASIONAL

dapat mengukur tahap keberkesanan dan pemahaman terhadap latihan halal yang telah dilaksanakan; dan

(j) Rekod latihan hendaklah disimpan dan mudah untuk dirujuk semasa pemeriksaan Pensijilan Halal Malaysia dijalankan.

(9) Kebolehkesanan

(a) Pihak syarikat hendaklah mewujudkan prosedur kebolehkesanan bagi memastikan penarikan balik produk dapat dilakukan sekiranya berlaku sebarang ketidakakuran halal/ pencemaran terhadap produk yang telah dihasilkan; (**Rujuk Lampiran K1 & K2)**

(b) Sistem kebolehkesanan boleh digabungkan dengan lain-lain sistem bagi proses pengesanan dan penarikan produk;

(c) *Mock recall* hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) tahun sekali bagi syarikat/ pemohon yang disyaratkan melaksanakan HAS; dan

(d) Rekod kebolehkesan dan penarikan balik produk hendaklah disimpan dan mudah untuk dirujuk semasa pemeriksaaan Pensijilan Halal Malaysia dijalankan.

(10) Semakan HAS

(a) Hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya satu (1) tahun sekali oleh pengurusan tertinggi syarikat;

(b) Hendaklah merangkumi:
(i) Keberkesanan HAS yang dibangunkan; dan
(ii) Keupayaan dan keberkesanan ahli JKHD yang dilantik.

(c) Hendaklah disah dan diperakukan secara bertulis oleh pengurusan tertinggi syarikat; dan

(d) Rekod Semakan HAS hendaklah disimpan dan mudah untuk dirujuk semasa pemeriksaaan Pensijilan Halal Malaysia dijalankan.

DRAF KONSULTASI NASIONAL

(11) Analisis Makmal

(a) Pihak syarikat boleh membangunkan SOP secara bertulis berkaitan pelaksanaan analisis makmal di peringkat syarikat (jika berkaitan);

(b) Analisis makmal perlu mengutamakan produk yang mengandungi bahan kritikal halal;

(c) Hendaklah dijalankan di makmal-makmal berikut:

(i) Malaysia Halal Analysis Centre (MyHAC); atau
(ii) Jabatan Kimia Malaysia; atau
(iii) Makmal-makmal Panel Halal yang dilantik. Senarai makmal panel halal JAKIM boleh dirujuk di portal Halal Malaysia www.halal.gov.my

(d) Skop analisis halal adalah seperti :

(i) *Deoxyribonucleic Acid* (DNA);
(ii) kandungan alkohol;
(iii) fizikal (kulit dan bulu);
(iv) protein (*profiling* dan penentuan sumber); dan
(v) lemak dan minyak (*profiling* dan penentuan sumber)

(e) Rekod analisis makmal hendaklah disimpan dan mudah untuk dirujuk semasa pemeriksaan Pensijilan Halal Malaysia dijalankan.

(12) Prosedur Sertu

(a) Pihak syarikat boleh mewujudkan SOP secara bertulis berkaitan sertu sebagai persediaan sekiranya berlakunya ketidakakuran yang perlu kepada proses sertu (jika berkaitan);

(b) Prosedur sertu yang dibangunkan hendaklah selari dengan Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam yang diterbitkan oleh JAKIM dan peraturan yang ditetapkan oleh JAIN; dan

(c) Rekod sertu hendaklah disimpan dan mudah untuk dirujuk semasa pemeriksaaan Pensijilan Halal Malaysia dijalankan.

DRAF KONSULTASI NASIONAL

(13) Dokumentasi dan Rekod

(a) Hendaklah disimpan di dalam fail khusus dan diasingkan dari lain-lain sistem pengurusan dan pensijilan;

(b) Hendaklah sentiasa dikemaskini dan direkod dengan sempurna serta mudah untuk dirujuk semasa pemeriksaaan Pensijilan Halal Malaysia dijalankan;

(c) Hendaklah disimpan sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga (3) tahun; dan

(d) Hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) bulan rekod bagi permohonan baharu untuk tujuan pengauditan Pensijilan Halal Malaysia.

DRAF:KONSULTASI NASIONAL

6. KEPERLUAN UMUM SISTEM KAWALAN HALAL DALAMAN (IHCS)

Pelaksanaan IHCS adalah terpakai bagi pemohonan bagi kategori industri kecil dan mikro. Pemohon hendaklah mematuhi keperluan seperti berikut:

(1) Mewujudkan polisi halal; **Rujuk klausa 5 (2)**

(2) Membangunkan prosedur kawalan risiko halal dan/ atau kawalan bahan mentah; dan **Rujuk klausa 5 (6)** dan/ atau **5 (7)**

(3) Membangunkan prosedur kebolehkesanan. **Rujuk klausa 5 (9)**

7. KEPERLUAN KHUSUS SISTEM JAMINAN HALAL MALAYSIA (HAS) DAN SISTEM KAWALAN HALAL DALAMAN (IHCS) MENGIKUT SKIM

Pihak syarikat hendaklah mematuhi dan melaksanakan keperluan HAS & IHCS bagi Skim Pensijilan Halal Malaysia seperti berikut :

(1) PRODUK MAKANAN DAN MINUMAN, KOSMETIK, FARMASEUTIKAL, BARANG GUNAAN DAN PERANTI PERUBATAN

Pelaksanaan MHMS bagi skim Produk Makanan dan Minuman, Kosmetik, Farmaseutikal, Barang Gunaan dan Peranti Perubatan berdasarkan kategori industri adalah seperti berikut:

(a) Industri Besar dan Sederhana

Melaksanakan keperluan HAS secara menyeluruh dengan memenuhi keperluan umum yang terkandung di dalam Manual MHMS 2019.

Pemohon hendaklah:

(i) Melibatkan wakil Bahagian *R&D* sebagai ahli JKHD; dan
(ii) Mewujudkan carta alir bagi setiap aliran pemprosesan produk yang berbeza. **Rujuk lampiran F3 & F4.**

(b) Industri Kecil dan Mikro

Melaksanakan keperluan IHCS dengan memenuhi keperluan berikut :

DRAF:KONSULTASI NASIONAL

Pemohon hendaklah:

(i) Mewujudkan polisi halal;
(ii) Membangunkan prosedur kawalan bahan mentah; dan
(iii) Membangunkan prosedur kebolehkesanan.

(2) PREMIS MAKANAN

Pelaksanaan HAS bagi skim Premis Makanan berdasarkan kategori premis adalah seperti berikut:

(a) Hotel, Katering, Pusat Konvensyen

(i) Melaksanakan keperluan HAS secara menyeluruh dengan memenuhi keperluan yang terkandung di dalam MHMS 2019.

(ii) Pemohon hendaklah melibatkan *F&B Manager* dan/ atau ketua tukang masak sebagai ahli JKHD.

(b) Kafeteria (Pengurusan Secara Berpusat)

(i) Melaksanakan keperluan HAS secara menyeluruh dengan memenuhi keperluan yang terkandung di dalam MHMS 2019.

(ii) Pihak pengurusan hendaklah:

a. melantik Eksekutif Halal di peringkat pengurusan;
b. menyediakan dokumen HAS sewaktu pemeriksaan; dan
c. memastikan Audit Halal Dalaman dilaksanakan ke semua rangkaian premis.

(c) Premis Berangkai

(i) Melaksanakan keperluan HAS secara menyeluruh dengan memenuhi keperluan yang terkandung di dalam MHMS 2019.

(ii) Pihak pemohon hendaklah:

DRAF:KONSULTASI NASIONAL

a. melantik Eksekutif Halal di peringkat pengurusan/ dapur utama;
b. melibatkan pengurus operasi sebagai ahli JKHD;
c. menyediakan dokumen HAS untuk disemak sewaktu pemeriksaan dapur utama dan/ atau premis;
d. memastikan Audit Halal Dalaman dilaksanakan ke semua rangkaian premis; dan
e. menyediakan senarai premis bawah jenama/ rangkaian milikan yang sama.

(d) Lain-lain Premis Makanan

Pemohon hendaklah memenuhi keperluan IHCS berikut:

(i) Mewujudkan polisi halal;
(ii) Membangunkan prosedur kawalan bahan mentah; dan
(iii) Membangunkan prosedur kebolehkesanan.

(3) RUMAH SEMBELIHAN

(a) Industri Besar dan Sederhana

Melaksanakan keperluan HAS secara menyeluruh dengan memenuhi keperluan yang terkandung dalam MHMS 2019.

Pemohon hendaklah melibatkan sekurang-kurangnya seorang penyelia dan/ atau penyembelih sebagai ahli JKHD.

(b) Industri Kecil dan Mikro

Melaksanakan keperluan IHCS dengan memenuhi keperluan berikut:

Pemohon hendaklah :

(i) mewujudkan polisi halal;
(ii) membangunkan prosedur kawalan risiko halal; dan
(iii) membangunkan prosedur kebolehkesanan.

DRAF KONSULTASI NASIONAL

(4) LOGISTIK

(a) Industri Besar dan Sederhana

Melaksanakan keperluan HAS secara menyeluruh dengan memenuhi keperluan yang terkandung dalam MHMS 2019.

Pemohon hendaklah:

(i) Mewujudkan SOP kawalan risiko halal yang melibatkan aktiviti tambahan di kawasan penggudangan dan/ atau peruncitan (*cross docking*, pecah pukal, *consolidating* dan sebagainya); dan
(ii) Mewujudkan SOP kawalan risiko halal bagi kontrak pihak ketiga.

(b) Industri Kecil dan Mikro

Melaksanakan keperluan IHCS dengan memenuhi keperluan berikut:

Pemohon hendaklah:

(i) Mewujudkan polisi halal;
(ii) Membangunkan prosedur kawalan risiko halal; dan
(iii) Membangunkan prosedur kebolehkesanan.

(5) SKIM PENGILANGAN KONTRAK/ *OEM*

(a) Industri Besar dan Sederhana

Melaksanakan keperluan HAS secara menyeluruh dengan memenuhi keperluan yang terkandung dalam MHMS 2019.

Pemohon hendaklah:

(i) Melibatkan bahagian *R&D* dan/ atau bahagian penerimaan bahan mentah sebagai ahli JKHD;
(ii) Menyediakan senarai pelanggan dan produk yang dikilangkan; dan
(iii) Mewujudkan SOP kawalan halal bagi kontrak pengilangan/ *OEM*.

DRAF KONSULTASI NASIONAL

(b) Industri Kecil dan Mikro

Melaksanakan keperluan IHCS dengan memenuhi keperluan berikut:

Pemohon hendaklah:

(i) Mewujudkan polisi halal;
(ii) Membangunkan prosedur kawalan bahan mentah; dan
(iii) Membangunkan prosedur kebolehkesanan.

8. PENILAIAN DAN PENARAFAN HAS

(a) Dilaksanakan semasa pemeriksaan Pensijilan Halal Malaysia oleh pihak berkuasa berwibawa;

(b) Penarafan HAS ditentukan dengan skor/ wajaran berikut :

TAHAP	MARKAH KESELURUHAN	PENARAFAN
Sangat Baik	86% -100%	A
Baik	66% - 85%	B
Memuaskan/ Sederhana	41% - 65%	C
Tidak memuaskan	40% dan ke bawah	D

DRAF KONSULTASI NASIONAL

(c) Tafsiran skor dan penarafan HAS adalah seperti berikut :

TAHAP	SKOR	TAFSIRAN
Sangat Baik 86% -100%	A	➢ Pematuhan sepenuhnya terhadap keperluan MHMS 2019 dan Prosedur Pensijilan Halal Malaysia. ➢ Tiada penemuan NCR pada rutin permohonan Pensijilan Halal Malaysia. ➢ Kawalan dalaman keseluruhannya berkesan dan boleh dicontohi. ➢ Boleh dijadikan penanda aras bagi syarikat lain. ➢ Syarikat disyorkan dalam kategori *Whitelist*. ➢ Dipertimbangkan bagi proses *fast track* dan tempoh pensijilan sehingga lima tahun.
Baik	B	➢ Komited untuk mematuhi keperluan MHMS 2019 dan Prosedur Pensijilan Halal Malaysia secara menyeluruh. ➢ Penemuan NCR yang sangat minima pada rutin permohonan Pensijilan Halal Malaysia. ➢ Komited untuk mempertingkatkan kawalan halal dalaman yang lebih berkesan. ➢ Berpotensi untuk dikategorikan sebagai syarikat contoh dan senarai *whitelist*.
Memuaskan/ Sederhana	C	➢ Mematuhi sebahagian keperluan MHMS 2019 dan Prosedur Pensijilan Halal Malaysia. ➢ Penemuan NCR yang minima pada rutin permohonan Pensijilan Halal Malaysia. ➢ Kawalan halal dalaman yang kurang berkesan. ➢ Tidak disyorkan sebagai syarikat kategori *whitelist dan proses fast track*.
Tidak Memuaskan	D	➢ Tiada sebarang dokumen MHMS dibangunkan. ➢ Tidak mematuhi sebahagian besar keperluan MHMS 2019 dan Prosedur Pensijilan Halal Malaysia. ➢ Kawalan dalaman yang tidak efektif. ➢ Tidak layak disyorkan sebagai syarikat kategori whitelist dan proses *fast track*.

DRAF KONSULTASI NASIONAL

(d) Sebarang ketidakakuran terhadap pelaksanaan MHMS 2019 boleh memberi kesan terhadap permohonan Pensijilan Halal Malaysia.

(e) Panel Pensijilan Halal Malaysia berhak menimbang, menilai, mengkaji dan membuat apa-apa keputusan di dalam pelaksanaan MHMS syarikat/ pemohon bagi menambah baik dan menjamin integriti Pensijilan Halal Malaysia.

DRAF:KONSULTASI NASIONAL

Lampiran A

ABC

(LOGO SYARIKAT)

SYARIKAT ABC SDN. BHD.
(ALAMAT SYARIKAT)

POLISI HALAL

1. Syarikat ABC Sdn. Bhd. komited dalam mengeluarkan produk/ perkhidmatan halal yang mematuhi keperluan Pensijilan Halal Malaysia.

2. Syarikat ABC Sdn. Bhd. akan memastikan bahan mentah/ perkhidmatan yang digunakan adalah halal dan diisytiharkan kepada pihak berkuasa berwibawa.

3. Syarikat ABC Sdn. Bhd. akan menjamin keseluruhan rantaian pengeluaran produk/ perkhidmatan adalah halal.

